

PELAN STRATEGIK

[2018-2020]

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN

© Universiti Pendidikan Sultan Idris 2018

Hak Cipta Terpelihara.

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris terlebih dahulu.

Diterbitkan oleh :

Bahagian Perancangan Korporat

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan, Malaysia

Tel : 05-4506396 Faks : 05-4596678

Laman Sesawang : bpk.upsi.edu.my

KANDUNGAN

KATA ALU-ALUAN NAIB CANSOLOR	1
KATA ALU-ALUAN PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT	2
LATAR BELAKANG UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	4
▶ VISI DAN MISI	
▶ MOTO	6
▶ MATLAMAT	
MATLAMAT STRATEGIK UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	8
HALA TUJU PELAN STRATEGIK UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 2018-2020	9
PELAN STRATEGIK UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 2018-2020	11
▶ TERAS 1 – KEBITARAAN AKADEMIK	13
▶ TERAS 2 – KEUNGGULAN GRADUAN	19
▶ TERAS 3 – KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI	25
▶ TERAS 4 – KELESTARIAN JARINGAN INDUSTRI DAN KOMUNITI	31
▶ TERAS 5 – KEUTUHAN TADBIR URUS	37
SASARAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 2018-2020	45
PEMEGANG TARUH	55
RUMUSAN	63

KATA ALU-ALUAN NAIB CANSOLOR

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh; dan
Salam Cemerlang Bersama.**

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-Nya, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berjaya menerbitkan Buku Pelan Strategik UPSI 2018-2020. Selaku Naib Canselor, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat terutamanya Bahagian Perancangan Korporat dalam menyumbang idea serta kepakaran menyediakan Pelan Strategik UPSI ini.

Sebagai sebuah Universiti Pendidikan No.1 di Malaysia, UPSI sentiasa menyokong hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam merealisasikan misi serta visi negara terutamanya dalam melahirkan modal insan yang holistik iaitu cemerlang dalam akademik, budaya dan kemasyarakatan.

Dalam usaha mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara maju, adalah amat penting untuk Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) memainkan peranan yang signifikan terutamanya dalam merencana pengajaran dan pembelajaran untuk generasi-generasi akan datang. Dalam mengejar arus kemodenan dan kepesatan teknologi, elemen pengajaran dan pembelajaran berteraskan kasih sayang, etika dan kemanusiaan juga harus diberikan perhatian yang sewajarnya.

Justeru, melalui penghasilan Pelan Strategik UPSI 2018-2020, penetapan beberapa teras, strategi dan Sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dilihat sebagai usaha yang murni dan seiring dengan matlamat serta hala tuju negara. Akhir kata, sekalung TAHNIAH kepada semua pihak yang terlibat dan semoga setiap warga UPSI dapat memberi kerjasama sepenuhnya dalam merealisasikan inspirasi UPSI seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik UPSI 2018-2020 ini.

“UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN”



**PROFESOR DATO' DR.
MOHAMMAD SHATAR
BIN SABRAN**
Naib Canselor
Universiti Pendidikan Sultan Idris

KATA ALU-ALUAN PENGARAH BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Hormat dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu saya merakamkan ucapan terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya untuk menintakan sepatah dua kata di dalam Buku Pelan Strategik UPSI 2018-2020 ini. Sebagaimana maklum, pelan strategik adalah sangat penting kerana ia merupakan asas rujukan bagi menentukan hala tuju ke arah pencapaian matlamat setiap jabatan untuk tempoh masa yang ditetapkan. Pelan ini meletakkan asas kukuh yang berpaksikan terhadap 5 Teras utama iaitu Kebitaraan Akademik, Keunggulan Graduan, Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi, Kelestarian Jaringan Industri dan Komuniti dan Keutuhan Tadbir Urus.

Pelan Strategik ini bertujuan bagi memastikan inisiatif yang dilaksanakan memenuhi hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia untuk mempertingkatkan kualiti bakat graduan yang cemerlang bukan sahaja dari segi akademik malahan juga dari segi akhlak serta mempunyai nilai tambah.

Melalui pelan yang digubal ini, diharapkan pelaksanaan kerja akan menjadi lebih berfokus, terancang dan bersistematik di samping mampu mencapai kehendak pemegang taruh dan memberi kepuasan kepada pelanggan.

Saya berharap dengan adanya pelan strategik ini, usaha warga UPSI akan menjadi lebih terarah bagi merealisasikan matlamat UPSI untuk menjadi sebuah 'Universiti No. 1 Pendidikan' di rantau ini. Justeru, kerjasama dan komitmen yang tinggi seluruh warga UPSI adalah amat diperlukan. Akhir kata, ucapan penghargaan saya kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan Pelan Strategik UPSI 2018-2020 dapat direalisasikan pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih.



**PROF. MADYA DR. NOR AZAH
BINTI SAMOT @ SAMAT**
Pengarah
Bahagian Perancangan Korporat
Universiti Pendidikan Sultan Idris

LATAR BELAKANG UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ditubuhkan pada 1 Mei 1997 melalui Warta Kerajaan P.U. (A) 132 & 133, bertarikh 24 Februari 1997, di bawah dua Perintah, iaitu Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris

(Perbadanan) 1997 dan Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Kampus) 1997. Penubuhan Universiti adalah bagi memenuhi keperluan peningkatan sumber daya manusia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan dan bersahsiah mulia dalam bidang-bidang sains, teknologi, pengurusan serta bidang-bidang bahasa kesusasteraan, kesenian dan kebudayaan dengan pendekatan khusus kepada penguasaan ilmu, teori dan amali pendidikan. Bagi menjalankan perintah kerajaan menerusi Warta Kerajaan P.U (A) 132 & 133 bertarikh 24 Februari 1997, maka mulai Mei 1997, tertubuhlah Universiti Pendidikan Sultan Idris yang dikenali dengan nama singkatannya UPSI.

Majlis Pecah Tanah Kampus Sultan Azlan Shah telah disempurnakan oleh Almarhum DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada 22 April 2002. Dalam titah perasmianya baginda mengumumkan nama kampus utama UPSI sebagai Kampus Sultan Abdul Jalil Shah yang lokasinya di Tanjong Malim manakala untuk kampus baharu di Proton City, diberi nama Kampus Sultan Azlan Shah.





Kampus Sultan Azlan Shah

Kampus Sultan Azlan Shah telah dirancang sejak Rancangan Malaysia Ke-8 lagi. Dengan adanya kampus baharu ini, infrastruktur pengajaran dan pembelajaran di UPSI dapat dipertingkatkan ke tahap yang lebih sempurna sejajar dengan kehendak kerajaan bagi memperkasa dan meningkatkan mutu pendidikan institut pengajian tinggi awam.

Pada 20 Februari 2012, Kampus Sultan Azlan Shah secara rasminya beroperasi dengan menempatkan beberapa fakulti seperti Blok 1 - 5 untuk Fakulti Sains & Matematik, Blok 6 untuk Fakulti Sains Sukan dan Kejurulatihan, Blok 7 dan 8 untuk Fakulti Pembangunan Manusia, Blok 9 dan 10 untuk Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Dewan Kuliah Berpusat, Dewan Tuanku Canselor dan Panggung Percubaan, Kafeteria, Rotu Balai Pengawal dan Pos Pengawal, Pusat Pelajar, Pusat Komputer, Masjid dan Pusat Islam.

Kampus ini terletak 8 km dari Kampus Sultan Abdul Jalil Shah. Tapak yang bertempat di Bandar Baru Proton City ini mampu memberikan impak pembangunan kepada kawasan sekitar terutamanya kepada bandar Proton City. Kampus yang berdekatan dengan Pusat Komersial Bandar Proton dan Kilang Proton ini juga lengkap dengan kawasan berlatar belakang kehijauan Banjaran Titiwangsa yang segar dan indah. Keindahan sumber alam semulajadi ini memberikan satu persekitaran yang sempurna untuk menambah nilai dalam proses pembelajaran pelajar. Kampus baharu ini dirasmikan dengan jaya dan penuh bersejarah oleh Almarhum DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Azlan Muhibbuddin Shah pada 16 Jun 2012.

VISI

Menjadi universiti yang bitara dan cemerlang dalam kepimpinan pendidikan berlandaskan kegemilangan sejarah serta menerajui perubahan global.

MISI

Menjana dan menatar ilmu menerusi pengajaran, penyelidikan, penerbitan, perundingan dan khidmat masyarakat, dalam konteks pembangunan insan untuk mencapai wawasan negara.

MOTO


“Universiti No.1 Pendidikan”

MATLAMAT

Bagi mencapai visi dan misi, universiti berazam dan beriltizam:

- Mengutamakan keikhlasan intelek dan kejujuran sikap dalam aktiviti meneroka sambil menyoal kembali kebenaran yang telah diterima selama ini bagi menjana, mengembang dan memperdalam ilmu;
- Mewujudkan kesinambungan sumbangan yang berterusan bagi membangun dan memperkaya ilmu terutamanya menerusi bahasa Melayu dalam pelbagai bidang;
- Menatar dan berkongsi ilmu melalui aktiviti-aktiviti kesarjanaan, termasuk perangkaian maklumat, penyelidikan, penerbitan dan perundingan dalam dan luar negara;
- Membina potensi individu bagi menjadikannya berilmu, berketerampilan, berbakat tinggi, berakhlak mulia dan bersemangat patriotis;
- Menggerakkan komunitinya supaya lebih prihatin betapa perlunya mereka menyumbang khidmat kepada masyarakat dan negara, terutama ke arah pemupukan semangat patriotis dan nasionalistis untuk membina sebuah bangsa Malaysia dan menyumbang kepada kesejahteraan sejagat.

MATLAMAT STRATEGIK UPSI



HALA TUJU PELAN STRATEGIK UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS 2018-2020

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berhasrat mencapai kedudukan 100 terbaik di QS World University Ranking (by Subject) pada tahun 2020. Bagi mencapai hasrat tersebut, satu pelan strategik yang komprehensif telah dirangka agar menjelang tahun 2020, beberapa kejayaan berjaya dicapai. Antara sasaran kecemerlangan UPSI menjelang 2020 ialah:

- 1 Tier 6 SETARA
- 2 Tier 5 MYRA
- 3 Memiliki 1 Pusat Kecemerlangan Berprestasi Tinggi (HICOE)
- 4 Pemantapan Autonomi
- 5 Menghasilkan Graduan Berkualiti dengan Nilai Tambah



**PELAN STRATEGIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS 2018-2020**

(PSUPSI 2018-2020)



TERAS 1

Kebitaraan Akademik



OBJEKTIF

Mencapai kebitaraan akademik menerusi kecemerlangan staf akademik, pelajar dan penawaran kursus.



KEPENTINGAN

Menyediakan platform kebitaraan akademik untuk mencapai pendidikan bertaraf global menerusi penguasaan pembelajaran dan pengajaran, pentaksiran dan penyeliaan (TLAS) dalam menyahut cabaran dan keperluan pendidikan semasa.

STRATEGI DAN INISIATIF

Meningkatkan kecemerlangan akademik menerusi:

- 1 Memantapkan kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).
- 2 Menyediakan persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc).
- 3 Memperkasakan program pengajian yang berdaya saing.
- 4 Melaksanakan pentaksiran yang autentik dan berterusan.
- 5 Memperkukuhkan proses pengurusan dan pemantauan penyeliaan.

PENGUKURAN

- 1** Jumlah staf akademik yang mengikuti program sangkutan.
- 2** Penilaian pelajar terhadap pensyarah (mendapat penilaian 80% dan ke atas).
- 3** Enrolmen pelajar antarabangsa.
- 4** Enrolmen pelajar antarabangsa di peringkat pengajian siswazah.
- 5** Enrolmen pelajar sarjana muda dan pengajian siswazah.
- 6** Peratus kursus yang memenuhi kriteria sebagai mod pembelajaran teradun.
- 7** Bilangan kursus yang ditawarkan secara Massive Open Online Courses (MOOC).
- 8** Jumlah staf akademik antarabangsa.
- 9** Peratus pelajar yang mengikuti kursus Massive Open Online Courses (MOOC).









TERAS 2

Keunggulan
Graduan

OBJEKTIF

Menghasilkan graduan holistik yang unggul dari perspektif akademik dan akhlak serta keusahawanan.



KEPENTINGAN

- ▶ Melahirkan graduan yang mempunyai ilmu, akhlak serta menjunjung tinggi tingkah laku, minda dan adab untuk menjadi insan mulia bukan sahaja sebagai pekerja yang berdedikasi tetapi juga sebagai warganegara yang berhemah tinggi.
- ▶ Melahirkan graduan yang mempunyai 2A (akademik dan akhlak) dengan penerapan kemahiran keusahawanan serta memiliki nilai tambah.

STRATEGI DAN INISIATIF

Meningkatkan kecemerlangan graduan menerusi:

- 1 Memantapkan kurikulum yang relevan selaras dengan keperluan semasa.
- 2 Menerapkan nilai-nilai keusahawanan dan kesukarelawanan yang memenuhi keperluan industri dan komuniti.
- 3 Menghayati Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH).
- 4 Memperkasakan kemahiran keusahawanan.
- 5 Mengamalkan nilai-nilai murni.
- 6 Menganjurkan kursus yang menerapkan 2A (Akademik dan Akhlak).
- 7 Menawarkan kursus yang mempunyai nilai tambah.

PENGUKURAN

- 1** Peratus penawaran kursus program-program pengajian yang mempunyai nilai keusahawanan.
- 2** Bilangan penganjuran program PSH.
- 3** Enrolmen pelajar dalam program PSH.
- 4** Peratus pelajar bergraduasi dalam tempoh masa (iGOT):
 - Sarjana Muda
 - Sarjana
 - PhD
- 5** Peratus keciciran pelajar:
 - Sarjana Muda
 - Sarjana
 - PhD
- 6** Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, menunggu penempatan atau melanjutkan pengajian, semasa konvokesyen.
- 7** Jumlah graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian.
- 8** Jumlah pelajar yang mendapat pendedahan keusahawanan semasa dalam pengajian.
- 9** Jumlah peserta Pengkreditan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL) di UPSI.
- 10** Bilangan program dengan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 (SKM2).
- 11** Bilangan kursus jangka pendek melalui kerjasama dengan industri yang berteraskan Technical Vocational Education and Training (TVET).
- 12** Jumlah pelajar yang menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian.
- 13** Bilangan kursus / aktiviti pembentukan akhlak, sahsiah dan kerohanian yang ditawarkan kepada pelajar.
- 14** Peratus pelajar yang terlibat dalam aktiviti yang mempunyai nilai kesukarelawanan (*volunteerism*) pada tahun semasa bagi peringkat:
 - Diploma
 - Prasiswazah
 - Pascasiswazah
- 15** Peratus pelajar yang terlibat dalam aktiviti yang mempunyai nilai tambah.







TERAS 3

Kecemerlangan
Penyelidikan
dan Inovasi

OBJEKTIF

Menerajui kecemerlangan menerusi aktiviti penyelidikan, penerbitan, perundingan dan pengkomersilan.



KEPENTINGAN

- ▶ Mewujudkan ekosistem penyelidikan dan inovasi yang kondusif dalam bidang keutamaan negara.
- ▶ Memperkasa kecemerlangan penyelidikan dan inovasi universiti bagi mencapai penarafan dunia.
- ▶ Membantu penyelesaian masalah melalui aktiviti penyelidikan, penerbitan dan pengkomersilan produk dalam bidang keutamaan negara.
- ▶ Meningkatkan penerbitan dalam jurnal berindeks untuk meningkatkan keterlihatan dan reputasi akademik universiti.

STRATEGI DAN INISIATIF

- 1 BERFOKUS**
 - Penjajaran perancangan strategik dengan Kementerian dan agensi lain.
 - Memfokus bidang penyelidikan keutamaan.
- 2 BERSIFAT PEMANGKIN**
 - Penambahbaikan kriteria pembiayaan, penilaian geran dan proses pemantauan projek.
 - Mempertingkatkan penggunaan skim padanan.
- 3 BERSIFAT MENYOKONG**
 - Memperkukuhkan pusat pemindahan teknologi.
 - Menambahbaik peraturan dan garis panduan.
 - Menggalak perkongsian prasarana.
 - Mempertingkatkan sistem pengumpulan data.
 - Menarik dan mengekalkan bakat cemerlang.
- 4 REALISTIK**
 - Menyediakan inisiatif yang berkaitan penyelidikan, perundingan, pengkomersilan dan penerbitan.
- 5 BOLEH DIUKUR**
 - Membuat penjajaran dengan MyRA, SETARA, QS Ranking dan PSUPSI.

PENGUKURAN

- 1** Perkadaran bilangan penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap pensyarah.
- 2** Perkadaran bilangan sitasi per pensyarah.
- 3** Bilangan konsultasi/perundingan.
- 4** Jumlah ahli akademik yang menjadi penyelidik utama.
- 5** Bilangan penyelidikan berteraskan pendidikan.
- 6** Bilangan produk yang dikomersilkan.
- 7** Bilangan produk yang dikomersilkan berteraskan pendidikan.
- 8** Jumlah pensyarah menjadi penulis utama bagi buku yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf/disenaraikan di bawah Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM).







A photograph of three young adults, likely students, walking and smiling on a university campus. In the foreground, a woman with glasses and a blue jacket is smiling. Behind her, a man in a beige shirt is also smiling. To the left, another woman in a pink top is smiling and holding a notebook. The background is a blurred outdoor setting with buildings and trees.

TERAS 4

**Kelestarian
Jaringan Industri
dan Komuniti**

OBJEKTIF

Memperluaskan kolaborasi strategik bersama pihak industri dan komuniti sehingga ke peringkat antarabangsa.



KEPENTINGAN

Meluaskan kolaborasi dengan rakan industri dan masyarakat.

STRATEGI DAN INISIATIF

Memperbanyakkan program/ kursus berkaitan jaringan industri dan masyarakat termasuk program Corporate Social Responsibility (CSR) dan Knowledge Transfer Program (KTP) iaitu;

- 1 Meningkatkan MoU dan MoA dengan pihak industri.
- 2 Mendapatkan dana jaringan industri dan masyarakat seperti NBOS, DUTA, KTP dan lain-lain.
- 3 Menyediakan kepakaran universiti untuk membangun komuniti.
- 4 Menyediakan latihan dan infrastruktur untuk masyarakat.

PENGUKURAN

- 1** Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan University Community Engagement (UCE) dan CSR.
- 2** Jumlah pelajar yang mengikuti program sangkutan (*attachment*) bersama agensi luar semasa pengajian.
- 3** Peratus pelajar yang mengikuti program Gap Year sepanjang setahun pengajian akademik.
- 4** Jumlah tenaga pakar dari industri membuat program di UPSI.
- 5** Peratus pensyarah yang terlibat dengan KTP untuk komuniti.







RANGUNAN

SULUH

BUDIM

ON
MUSEUM

LENDUTAN
NEGARA

Muzium Pendidikan Nasional



TERAS 5

Keutuhan
Tadbir Urus

OBJEKTIF

Memperhebatkan tadbir urus dalam penyediaan sumber, infrastruktur dan infostruktur.



KEPENTINGAN

- ▶ Membolehkan tadbir urus universiti dilaksanakan dengan telus dan dijadikan budaya kerja dalam organisasi.
- ▶ Mengekalkan status autonomi dan memantapkan tadbir urus berkesan.
- ▶ Memacu universiti ke arah kecemerlangan akademik dan pengurusan yang lebih efisien.
- ▶ Melahirkan kakitangan yang kompeten dan profesional.
- ▶ Meningkatkan penajaan hasil perkhidmatan dan aset UPSI untuk mengurangkan kebergantungan UPSI terhadap geran kerajaan.
- ▶ Mengoptimumkan sumber dan kepakaran UPSI bagi merebut peluang-peluang perniagaan dan komersil di UPSI dan persekitarannya.
- ▶ Menyediakan pakej yang boleh menarik individu/agensi untuk menyumbang dana dengan tawaran insentif yang menarik.
- ▶ Membolehkan aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc), penyelidikan, pengurusan dan pentadbiran berjalan lancar dan sistematik.
- ▶ Memastikan UPSI mempunyai prasarana, persekitaran dan sistem perkhidmatan yang berkesan sebagai pemangkin kepada aktiviti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc), penyelidikan dan khidmat yang cemerlang.

STRATEGI DAN INISIATIF

1

- Mengurangkan kebergantungan kepada geran kerajaan
- Kawalan optimum terhadap bajet yang diluluskan.
 - Memantapkan usaha penjimatan kos operasi.
 - Menggalakkan autonomi kewangan kepada PTj.

2

- Meningkatkan penjanaaan pendapatan daripada perkhidmatan & aset
- Menetapkan sasaran penjanaaan dalam Kerangka Kelestarian Kewangan UPSI.
 - Memberi insentif kepada PTj yang menjana pendapatan.

3

- Meningkatkan penjanaaan pendapatan daripada endowment, zakat & wakaf
- Memberi pengecualian cukai kepada pemberi dana.
 - Pemberi dana mendapat khidmat kepakaran/ penemuan penyelidikan bagi dana yang dibiayainya.

4

- Pelaksanaan amalan integriti dan akauntabiliti yang berterusan dalam organisasi
- Melaksanakan program dan aktiviti pemantapan integriti dalam kalangan warga universiti.

5

- Memantapkan dasar, prosedur dan garis panduan yang berkaitan tadbir urus
- Mewujudkan sistem perekodan secara *online*.
 - Kawalan dan pemantauan pematuhan dasar, prosedur dan garis panduan.

6

- Menyemarakkan kecemerlangan bakat di UPSI
- Menyediakan latihan yang berterusan dan berstruktur.
 - Meluaskan akses latihan dan program sangkutan di peringkat global dan global.



STRATEGI DAN INISIATIF

7

Membudayakan nilai-nilai murni dalam pengurusan dan menjadikan pekerjaan sebagai satu ibadah

- Pemerkasaan nilai-nilai murni dan penghayatan etika dalam perkhidmatan.
- Penguksuhan nilai BITARA sebagai nilai utama (*core value*) UPSI.

8

Menyedia dan mengekalkan prasarana yang memenuhi keperluan yang merangsang kecemerlangan serta melaksanakan amalan terbaik.

9

Memperkasa infrastruktur ICT yang efisien dalam menyokong pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc), pentadbiran dan pengurusan universiti.

10

Meningkatkan sumbangan pendapatan anak syarikat

- Menetapkan sasaran sumbangan dalam Kerangka Kelestarian Kewangan UPSI.
- Melantik anak syarikat sebagai operator kepada projek-projek komersil UPSI.

11


Memantapkan sumber maklumat yang diperlukan dalam menyokong pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc), penyelidikan dan penerbitan universiti selaras dengan keperluan semasa.

PENGUKURAN

- 1** Peratus pendapatan yang dijana sendiri daripada keseluruhan perbelanjaan operasi.
- 2** Amaun (RM) penjanaan hasil daripada perkhidmatan & aset.
- 3** Amaun (RM) pendapatan melalui endowmen, zakat & wakaf.
- 4** Amaun (RM) yang dijana melalui 4P (penyelidikan, perundingan, pengkomersilan dan penerbitan) daripada keseluruhan belanja operasi (universiti).
- 5** Peratus perbelanjaan emolumen berbanding jumlah perbelanjaan mengurus.
- 6** Amaun (RM) sumbangan pendapatan oleh anak syarikat.
- 7** Peratus peningkatan sumber rujukan terkini dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan pedagogi.
- 8** Bilangan judul sumber dalam talian (*online*).
- 9** Bilangan program dan aktiviti berbentuk integriti dan akauntabiliti.
- 10** Bilangan pengiktirafan dan anugerah integriti, akauntabiliti dan kualiti.
- 11** Bilangan kelompok bakat bagi staf akademik yang mengikuti program latihan bakat/pelan penggantian.
- 12** Bilangan kelompok bakat bagi staf pentadbiran yang mengikuti program latihan bakat/pelan penggantian.
- 13** Jumlah staf pentadbiran yang mengikuti Program UPSI World
 - UPSI Global
 - Program Mobiliti
 - Program Sangkutan
- 14** Peratus kehadiran kakitangan ke kursus UPSI yang berunsurkan nilai murni, integriti dan akauntabiliti.
- 15** Bilangan kursus berunsurkan nilai murni.
- 16** Kelajuan Infrastruktur internet bagi menyokong aktiviti teras Universiti.





The background features several vertical wooden blocks of varying heights and positions, creating a sense of depth and texture. The text is centered on the right side of the page.

**SASARAN
PETUNJUK
PRESTASI
UTAMA (KPI)
UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN
IDRIS**

2018 - 2020

TERAS 1 : KEBITARAAN AKADEMIK

	KPI	TOV (2017)	SASARAN		
			2018	2019	2020
1	Jumlah staf akademik yang mengikuti program sangkutan.	20	25	30	35
2	Penilaian pelajar terhadap pensyarah (mendapat penilaian 80% dan ke atas).	98%	98%	99%	99%
3	Enrolmen pelajar antarabangsa.	521	550	600	650
4	Enrolmen pelajar antarabangsa di peringkat pengajian siswazah.	400	450	500	550
5	Enrolmen pelajar sarjana muda dan pengajian siswazah.	17,273	19,200	20,100	21,050
6	Peratus kursus yang memenuhi kriteria sebagai mod pembelajaran teradun.	55%	65%	75%	85%
7	Bilangan kursus yang ditawarkan secara MOOC.	13	15	18	21
8	Jumlah staf akademik antarabangsa.	32	40	50	60
9	Peratus pelajar yang mengikuti kursus MOOC.	KPI baharu	20%	25%	30%

TERAS 2 : KEUNGGULAN GRADUAN

	KPI	TOV (2017)	SASARAN		
			2018	2019	2020
1	Peratus penawaran kursus program-program pengajian yang mempunyai nilai keusahawanan.	4%	5%	6%	7%
2	Bilangan penganjuran program PSH.	120	150	170	200
3	Enrolmen pelajar dalam program PSH.	5000	5500	6000	6500
4	Peratus pelajar bergraduasi dalam tempoh masa (iGOT): <ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda • Sarjana • PhD 	85% 24.23% 17.85%	88% 26% 20%	90% 28% 25%	95% 30% 30%
5	Peratus kecikiran pelajar: <ul style="list-style-type: none"> • Sarjana Muda • Sarjana • PhD 	5.2% 18% 19%	5.0% 17% 16%	4.0% 16% 15%	3.0% 15% 14%
6	Peratus graduan yang mendapat pekerjaan, menjadi usahawan, menunggu penempatan atau melanjutkan pengajian, semasa konvokesyen.	88%	88%	90%	92%
7	Jumlah graduan yang menceburi bidang keusahawanan selepas menamatkan pengajian.	100	180	190	200

TERAS 2 : KEUNGGULAN GRADUAN

	KPI	TOV (2017)	SASARAN		
			2018	2019	2020
8	Jumlah pelajar yang mendapat pendedahan keusahawanan semasa dalam pengajian.	9000	10,000	10,100	10,200
9	Jumlah peserta APEL di UPSI.	3	7	10	15
10	Bilangan program dengan SKM2.	3	7	8	9
11	Bilangan kursus jangka pendek melalui kerjasama dengan industri yang berteraskan TVET.	4	6	8	10
12	Jumlah pelajar yang menjalankan perniagaan semasa dalam pengajian.	300	400	410	420
13	Bilangan kursus atau aktiviti pembentukan akhlak, sahsiah dan kerohanian yang ditawarkan kepada pelajar.	70	80	90	100
14	Peratus pelajar yang terlibat dalam aktiviti yang mempunyai nilai kesukarelawanan (<i>volunteerism</i>) pada tahun semasa bagi peringkat: <ul style="list-style-type: none"> • Diploma • Prasiswazah • Pascasiswazah 	10%	15%	20%	25%
15	Peratus pelajar yang terlibat dalam aktiviti yang mempunyai nilai tambah.	KPI baharu	10%	15%	20%

TERAS 3 : KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

	KPI	TOV (2017)	SASARAN		
			2018	2019	2020
1	Perkadaran bilangan penerbitan dalam jurnal dan prosiding berindeks bagi setiap pensyarah.	0.55	0.6	0.8	1.0
2	Perkadaran bilangan sitasi per pensyarah.	4.0	5.0	6.0	7.0
3	Bilangan konsultasi /perundingan.	80	85	90	95
4	Jumlah ahli akademik yang menjadi penyelidik utama.	400	450	500	550
5	Bilangan penyelidikan berteraskan pendidikan.	170	180	190	200
6	Bilangan produk yang dikomersilkan.	19	21	23	25
7	Bilangan produk yang dikomersilkan berteraskan pendidikan.	3	9	18	36
8	Jumlah pensyarah menjadi penulis utama bagi buku yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf/ disenaraikan di bawah MAPIM.	53	56	59	62

TERAS 4 : KELESTARIAN JARINGAN INDUSTRI & KOMUNITI

	KPI	TOV (2017)	SASARAN		
			2018	2019	2020
1	Bilangan program atau aktiviti yang melibatkan UCE dan CSR.	24	30	35	40
2	Jumlah pelajar yang mengikuti program sangkutan (<i>attachment</i>) bersama agensi luar semasa pengajian.	KPI baharu	18	20	22
3	Peratus pelajar yang mengikuti program <i>Gap Year</i> sepanjang setahun pengajian akademik.	1%	2%	3%	4%
4	Jumlah tenaga pakar dari industri membuat program di UPSI.	2	2	3	4
5	Peratus pensyarah yang terlibat dengan KTP untuk komuniti.	1%	2%	3%	4%

TERAS 5 : KEUTUHAN TADBIR URUS

	KPI	TOV (2017)	SASARAN		
			2018	2019	2020
1	Peratus pendapatan yang dijana sendiri daripada keseluruhan perbelanjaan operasi.	15%	19%	21%	25%
2	Amaun (RM) penjanaan hasil daripada perkhidmatan & aset.	RM 9,927,201	RM 10,587,473	RM 11,170,472	RM 11,877,326
3	Amaun (RM) pendapatan melalui endowmen, zakat & wakaf.	RM 1,400,000	RM 6,500,000	RM 11,600,000	RM 11,800,000
4	Amaun (RM) yang dijana melalui 4P (penyelidikan, perundingan, pengkomersilan dan penerbitan) daripada keseluruhan belanja operasi (universiti).	RM 2,823,004	RM 3,278,632	RM 3,823,207	RM 4,474,473
5	Peratus perbelanjaan emolumen berbanding jumlah perbelanjaan mengurus.	60.3%	60.2%	61.6%	62.5%
6	Amaun (RM) sumbangan pendapatan oleh anak syarikat.	RM 1,200,000	RM 1,400,000	RM 1,700,000	RM 2,000,000

TERAS 5 : KEUTUHAN TADBIR URUS

	KPI	TOV (2017)	SASARAN		
			2018	2019	2020
7	Peratus peningkatan sumber rujukan terkini dalam bidang pendidikan awal kanak-kanak dan pedagogi.	2.0%	2.5%	2.5%	2.5%
8	Jumlah judul sumber dalam talian (<i>online</i>).	57,246 judul	+ 500	+ 500	+ 500
9	Bilangan program dan aktiviti berbentuk integriti dan akauntabiliti.	8	12	15	20
10	Bilangan pengiktirafan dan anugerah integriti, akauntabiliti dan kualiti.	1	2	2	3
11	Bilangan kelompok bakat bagi staf akademik yang mengikuti program latihan bakat / pelan penggantian.	5 Kelompok Bakat	6 Kelompok Bakat	9 Kelompok Bakat	12 Kelompok Bakat
12	Bilangan kelompok bakat bagi staf pentadbiran yang mengikuti program latihan bakat / pelan penggantian.	2 Kelompok Bakat	5 Kelompok Bakat	9 Kelompok Bakat	12 Kelompok Bakat

TERAS 5 : KEUTUHAN TADBIR URUS

	KPI	TOV (2017)	SASARAN		
			2018	2019	2020
13	Jumlah staf pentadbiran yang mengikuti Program UPSI World <ul style="list-style-type: none"> • UPSI Global • Program Mobiliti • Program Sangkutan 	KPI baharu	10	11	12
14	Peratus kehadiran kakitangan ke kursus UPSI yang berunsurkan nilai murni, integriti dan akauntabiliti.	80%	85%	90%	95%
15	Bilangan kursus berunsurkan nilai murni, integriti dan akauntabiliti.	10	15	20	25
16	Kelajuan Infrastruktur internet bagi menyokong aktiviti teras Universiti.	3 Gbps	3 Gbps	3 Gbps	6 Gbps





PEMEGANG

TARUH

TERAS 1 : KEBITARAAN AKADEMIK

Pemegang Taruh	
Luar	Dalam
<ul style="list-style-type: none">• Kementerian Pendidikan Malaysia• Pejabat kedutaan• Education Malaysia Global Services• Jabatan Imigresen Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Bahagian Hal Ehwal Akademik• Institut Pengajian Siswazah• Fakulti-fakulti• Pusat Bahasa & Pengajian Umum• Pusat Antarabangsa & Mobiliti• Kolej kediaman UPSI• Bahagian Sumber Manusia• Pusat Pembangunan Akademik

TERAS 2 : KEUNGGULAN GRADUAN

Pemegang Taruh	
Luar	Dalam
<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Pendidikan Malaysia • Agensi Kelayakan Malaysia • Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional • Lembaga Teknologis Malaysia • Jabatan Pembangunan Kemahiran, Kementerian Sumber Manusia • Suruhanjaya Syarikat Malaysia • Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan • Unit Perancang Ekonomi • Kementerian Belia dan Sukan • Northern Corridor Authority Implementation • Majlis Daerah Tanjung Malim • SME Corporation • GIAT MARA • Malaysian Global Innovation & Creativity Centre • Celcom Axiata Berhad • Majlis Amanah Rakyat • Yayasan Tunku Abdul Rahman • Yayasan Pelajaran Negeri • Yayasan Sukarelawan Siswa • Yayasan Biasiswa Perbankan 	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian Hal Ehwal Akademik • Institut Pengajian Siswazah • Fakulti-fakulti • Pusat Perkembangan Ilmu dan Pengajian Profesional • Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan • Pusat Pembangunan Akademik • Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni • Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda • Pusat ICT • Pusat Islam • Pusat Transformasi Komuniti Universiti • Bahagian Komunikasi Korporat • Kolej kediaman UPSI

TERAS 3 : KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Pemegang Taruh	
Luar	Dalam
<ul style="list-style-type: none"> • Universiti Awam • Universiti Swasta • Agensi Kerajaan (KPM, MOSTI, IDR, MOF, MOA, SEDIC) • Agensi Swasta (SP Setia, Canon Sdn. Bhd., Farmasi Langkap, Telaga Biru Sdn. Bhd., Ramly Burger, Masterplan Sdn. Bhd.) • The United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation • The World Association of Industrial and Technological Research Organizations • SUMITOMO Foundation • European Union • Kurita Water Foundation • Islamic Educational, Scientific and Cultural Organization • Pejabat kedutaan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi • Pejabat Karang Mengarang • Perpustakaan Tuanku Bainun • Pusat Transformasi Komuniti Universiti • Pusat Bahasa & Pengajian Umum • Institut Pengajian Siswazah • Pusat Penyelidikan Perkembangan Kanak-Kanak Negara • Institut Peradaban Melayu • Akademi Pendidikan / Sekolah Makmal • Pusat Islam • Pusat Sukan • Jabatan Bendahari • Semua Fakulti

TERAS 4 : KELESTARIAN JARINGAN INDUSTRI DAN KOMUNITI

Pemegang Taruh	
Luar	Dalam
<ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pendidikan Negeri Perak • Pejabat Pelajaran Daerah Muallim • Sekolah Kebangsaan Daerah Muallim • Seranta Felda • Jabatan Perdana Menteri • Institut Sosial Malaysia • Majlis Daerah Tanjung Malim • Sekolah Menengah Kebangsaan Gedangsa • Puncak Niaga Holdings Bhd • Yayasan Felda • Majlis Amanah Rakyat • Jabatan Pendidikan Negeri-Negeri di Malaysia • Parlimen Hulu Selangor 	<ul style="list-style-type: none"> • Kolej kediaman UPSI • Pemuafakatan Siswa Siswi Felda (Persada), UPSI • Semua fakulti • Pusat Latihan Mengajar dan Industri • Pusat Kaunseling • Pusat ICT • Pusat Islam • Pusat Sukan • Akademi Pendidikan / Sekolah Makmal • Pusat Kokurikulum • Pusat Kebudayaan • Pusat Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan

TERAS 5 : KEUTUHAN TADBIR URUS

Pemegang Taruh	
Luar	Dalam
<ul style="list-style-type: none">• Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi	<ul style="list-style-type: none">• Bahagian Sumber Manusia• Bahagian Governan• Jabatan Bendahari• Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda• Perpustakaan Tuanku Bainun• Pusat ICT• Unit Integriti







RUMUSAN

- ▶ Pelan Strategik UPSI 2018-2020 adalah suatu usaha berterusan pihak universiti ke arah mencapai visi dan misi UPSI sebagai sebuah universiti yang memfokuskan bidang pendidikan sebagai teras utama di samping mengembangkan disiplin ilmu lain yang juga penting ke arah mencapai visi dan misi negara khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia.

- ▶ Pelan Strategik ini akan menjadi panduan kepada Pusat Tanggungjawab (PTj) berkaitan untuk merancang dan melaksanakan aktiviti yang boleh membawa kepada pencapaian Sasaran Petunjuk Prestasi (KPI) yang ditetapkan bagi setiap objektif. Perancangan pencapaian keseluruhan objektif dan KPI akan dibuat pada awal tahun sepanjang tempoh Pelan Strategik. Penambahbaikan akan dilakukan untuk memastikan semua objektif dan KPI yang ditetapkan akan dapat dicapai dalam tempoh yang ditetapkan.

